



**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**PENGUMUMAN KEJADIAN AIR KEMERAH-MERAHAN  
01 Februari 2020**

Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ingin memaklumkan bahawa hasil dari laporan pemantauan dan analisis makmal, yang dijalankan secara berterusan semenjak Ogos 2019, telah menunjukkan perairan Negara Brunei Darussalam kini bebas dari pencemaran air kemerah-merahan.

Walaubagaimanapun, sebagai peringatan dan langkah berjaga-jaga, orang ramai adalah diingatkan untuk membuang semua insang, perut dan organ-organ dalaman ikan sebelum dimasak.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak memakan ikan-ikan kecil yang tidak dapat dibuang insang, perut dan organ-organ dalamannya serta kerang-kerangan, dan ikan yang tidak diketahui tempat asalnya.

Sehubungan dengan ini, pihak Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan meneruskan pemantauan rutin air kemerah-merahan.

Orang ramai bolehlah membantu Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan melaporkan sebarang kejadian perubahan warna air, atau menjumpai ikan-ikan mati dalam jumlah yang banyak di kawasan perairan dan pantai-pantai di Negara Brunei Darussalam melalui talian-talian berikut: **2770066** (waktu bekerja) dan **7297771** (*hotline*).

Dikeluarkan oleh:

**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

07hb. Jamadilakhir 1441  
01hb. Februari 2020